

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITMCPP)

E-BULETIN ACIS UITMCPP



LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU

Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTMCPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTMCPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTMCPP.




EDISI
2024



WAKAF ILMU

KEMULIAAN AL-QURAN



Penulis: Ustazah Najwa Alyaa binti Abd Wakil
Pensyarah ACIS UiTMCPP

Al-Quran adalah merupakan kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. melalui perantaraan malaikat Jibril a.s. Peringkat bagi penurunan al-Quran terbahagi kepada tiga:

Peringkat pertama daripada Allah S.W.T. kemudian turun ke Loh Mahfuz secara sekaligus.

Peringkat kedua ialah daripada Loh Mahfuz ke Baitul Izzah secara sekaligus pada malam Lailatul Qadar. Hal ini bertepatan dalam firman Allah: (Surah al-Qadr: 1) yang bermaksud, sesungguhnya kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Lailatul-Qadar.

Peringkat ketiga ialah daripada Baitul Izzah kepada Rasulullah S.A.W. selama 23 tahun secara berperingkat iaitu 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah (Yusoff, 2020). Wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah S.A.W. adalah surah al-'Alaq iaitu pada 17 Ramadhan.

Justeru itu, proses penurunan al-Quran adalah merupakan salah satu bukti yang menunjukkan bahawa al-Quran adalah wahyu yang datangnya daripada Allah S.W.T. dan bukannya daripada manusia. Menurut Kamri (2021), al-Quran dipercayai diturunkan secara beransur-ansur selama 23 tahun, bermula pada tahun 610 Masihi sehingga 632 Masihi. Wahyu pertama yang diterima oleh Nabi Muhammad SAW adalah di Gua Hira', yang terletak di Jabal Nur, Mekah.

Tambahan pula, menurut Hamid (2022), kandungan al-Quran juga meliputi pelbagai aspek dalam kehidupan termasuk berkaitan akidah iaitu prinsip-prinsip kepercayaan Islam, ibadah iaitu panduan tentang pelaksanaan ibadah, muamalah iaitu hukum-hukum berkenaan urusan seharian dan interaksi sosial, sejarah iaitu tentang kisah-kisah para nabi dan umat terdahulu dan akhlak iaitu berkaitan dengan ajaran mengenai moral dan etika.

Keistimewaan yang terdapat dalam al-Quran dapat membezakan dengan kitab yang lain iaitu dari segi bahasanya diturunkan dalam Bahasa arab yang dianggap sangat indah dan sempurna. Selain itu, kemurnian teks dalam al-Quran adalah terjaga sejak ia diturunkan tanpa sebarang perubahan atau penyelewengan. Di samping itu, al-Quran juga dianggap sebagai mukjizat terbesar Rasulullah S.A.W. kerana tidak dapat ditandingi dari segi keindahan bahasa dan kedalaman makna.

Pengumpulan Al-Quran

Pengumpulan al-Quran dapat dibahagikan kepada tiga zaman iaitu zaman pertama adalah bermula sejak zaman Rasulullah S.A.W. lagi dan para sahabat menulis wahyu tersebut di atas pelbagai bahan seperti kulit binatang, tulang dan pelepah tamar serta menghafal ayat-ayat al-Quran tersebut ketika mendengar nabi menyampaikan wahyu tersebut kepada mereka.

Seterusnya, zaman kedua adalah pada zaman khalifah Abu Bakar As-Siddiq iaitu selepas peperangan Yamamah disebabkan ramai sahabat penghafal al-Quran yang syahid. Maka, terdapat cadangan daripada Umar al-Khattab untuk pengumpulan al-Quran dan Abu Bakar as-Siddiq telah memerintahkan Zaid bin Thabit untuk mengetuai pengumpulan al-Quran dalam bentuk satu mushaf (Moten, 2021).

Zaman ketiga adalah pada zaman khalifah Uthman bin Affan. Pada zaman tersebut telah berlaku perbezaan bacaan al-Quran di kalangan umat Islam di pelbagai wilayah disebabkan perkembangan agama Islam yang telah tersebar luas di pelbagai tempat (Embong, 2019). Justeru itu, khalifah Uthman telah memerintahkan satu kompilasi rasmi dibuat berdasarkan mushaf Zaid bin Thabit dan disalin dalam beberapa naskah yang diedarkan ke kota-kota utama yang dikenali sebagai Mushaf Uthmani.

Adab-Adab Membaca Al-Quran Perbezaan yang dapat dilihat di antara al-Quran dan juga kitab atau buku yang lain adalah dari segi pembacaannya terdapat beberapa adab yang perlu dipatuhi.

Antara adab yang perlu dipatuhi menurut Rahman dan Noorhani (2019), adalah pembaca perlulah berniat untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T. semata-mata dan bukannya untuk meraih pujian atau menunjuk-nunjuk di hadapan manusia yang lain.

Justeru itu, melalui adab ini akan menimbulkan rasa ikhlas untuk mencari dan mencapai keredhaan daripada Allah S.W.T.

Seterusnya, pembaca perlulah berada dalam keadaan yang suci dan bersih seperti mandi, bersuci dan berwuduk ketika membaca al-Quran bagi mengelakkan diri pembaca berada dalam keadaan yang tidak selesa dan kotor (Mohamad et al., 2022).

Hal ini adalah penting bagi memastikan pembaca tidak tergesa-gesa untuk menghabiskan bacaannya. Selain itu, pembaca perlu menutup aurat ketika membaca al-Quran (Razak dan Zubaidah, 2019).

Melalui adab seperti ini, iaanya akan membezakan kedudukan kitab suci al-Quran dan kitab biasa yang ada di atas muka bumi ini di samping menghayati bacaan al-Quran yang mempunyai pelbagai pengajaran dan pengetahuan.

Di samping itu, pembaca digalakkan untuk menghadap kiblat ketika membaca al-Quran bagi menjaga kemuliaan dan menghormati kitab al-Quran serta berdoa setelah selesai membaca Al-Quran (Hamid dan Norhidayat, 2022). Hal ini untuk menunjukkan pengharapan dan pergantungan seorang hamba itu adalah pada Allah S.W.T. semata-mata serta untuk mengharapkan supaya al-Quran itu dapat menjadi syafaat ketika di hari akhirat kelak.

RUJUKAN

- Yusoff, Z. M. (2020). *Sejarah Pengumpulan Al-Quran: Satu Kajian Kritis*. Universiti Malaya.
- Kamri, N. A. (2021). *Penulisan dan Pengumpulan Al-Quran: Perspektif Ulama Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamid, H. A. (2022). *Kajian Teks Al-Quran: Analisis Terhadap Manuskrip Kuno di Alam Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moten, A. R. (2021). *Pemeliharaan Teks Al-Quran: Isu dan Cabaran di Malaysia*. International Islamic University Malaysia Press.
- Embong, R. (2019). *Penyebaran Al-Quran di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*. Universiti Malaysia Terengganu.
- Nik Abd Rahman, N. N. (2019). *Adab-Adab Membaca Al-Quran: Amalan dan Penghayatan di Malaysia*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohamad, N. H. (2022). *Amalan Adab Membaca Al-Quran di Kalangan Masyarakat Muslim di Malaysia: Satu Tinjauan*. Jurnal Dakwah dan Pembangunan Insan, 11(2), 57-68.
- Abdul Razak, S. Z. (2019). *Kesedaran dan Pengamalan Adab Membaca Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia*. Jurnal Pendidikan dan Pengajaran Islam, 10(3), 23-38.
- Hamid, N. (2022). *Penghayatan Adab Membaca Al-Quran di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia.



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

PENERBIT

Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG**



[https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder
?view=page&id=95](https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95)



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.